

| | | | |
|-------------|---|--------------|---------------------------|
| Headline | Momentum pembangunan teknologi MIMOS | Language | MALAY |
| Date | 22. Jan 2009 | Page No | 15 |
| Media Title | Utusan Malaysia | Article Size | 290 cm² |
| Section | Supplement | Frequency | Daily |
| Circulation | 238082 | Color | Full Color |
| Readership | 833287 | AdValue | 5737.38 |



Momentum pembangunan teknologi MIMOS

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensi strategiknya, Mimos Berhad (Mimos) baru-baru ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 10 syarikat teknologi dari pelbagai industri tempatan untuk membangun dan mengkomersialkan produk mereka berdasarkan teknologi Mimos.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, aplikasi teknologi Mimos merupakan platform terbaik untuk syarikat-syarikat tersebut memacu momentum ke arah pembangunan industri masing-masing.

"Pertukaran teknologi ini boleh dianggap sebagai tambah nilai dalam memperkembangkan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan bagi menghadapi cabaran dalam pasaran," katanya.

Antara sepuluh syarikat yang terlibat adalah Alam Teknokrat Sdn. Bhd. (Skali), Biforst Technology Sdn. Bhd., Bill Adam Associates Sdn Bhd., MutiaraCom Sdn. Bhd., InfoValley Life Sciences Sdn. Bhd., In-Fusion Solutions Sdn. Bhd., Jaring Communications Sdn. Bhd., CEEDTec Sdn. Bhd., MIMOS Smart Computing Sdn. Bhd. dan PERNEC Integrated Network Systems Sdn. Bhd.

Pada majlis itu, MOSTI diwakili oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perkhidmatan Sains, Datin Paduka Dr. Khatijah Mohd. Yusoff dan Mimos diwakili oleh pengurusnya, Datuk Suriah Abdul

Rahman.

Melalui program perlesenan yang ditawarkan, Mosti akan membantu syarikat terlibat menjalankan pembangunan kompetitif dengan penglibatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Selain itu, Mimos turut memberi fokus terhadap peluang pengkomersialan dan pasaran produk menerusi implementasi teknologi moden.

Untuk tujuan itu, Mimos turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 13 lagi syarikat industri tempatan sebagai memberi peluang pembangunan dan latihan.

Syarikat berkenaan adalah

- Quantum Beez Sdn. Bhd.
- TISS MSC Sdn. Bhd
- CD Solutions Sdn. Bhd.

- Ofisgate Sdn. Bhd
- Innovision Business Solutions (M) Sdn. Bhd
- Disability Solutions (M) Sdn. Bhd
- Phytofolia Sdn. Bhd.,
- Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.,
- Select-TV Solutions Sdn. Bhd.
- Secure Technology Innovations Sdn. Bhd.,
- Ceope Consulting Sdn. Bhd
- Controller Area *Network Solutions (M) Sdn. Bhd. dan
- Cubic Electronics Sdn. Bhd.

Secara keseluruhannya, aplikasi teknologi tersebut adalah bertujuan untuk menggalakkan implementasi teknologi Mimos secara meluas dalam pelbagai industri.

Bagi memperkembangkan lagi usaha tersebut, Mimos turut menjalankan kerjasama bersama beberapa universiti, institusi penyelidikan serta syarikat multinasional tempatan dan antarabangsa untuk menjadi rakan pilihan teknologi yang dipercayai.

Kerjasama dengan universiti tempatan itu secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada Mimos untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai pemacu pasaran industri komersial.

Setakat ini, Mimos telah berkerjasama dengan 18 buah universiti dan institusi penyelidikan tempatan dan 22 antarabangsa selain sembilan syarikat multinasional tempatan dan lapan antarabangsa.



MIMOS Berhad membentuk rakan kerjasama dengan pelbagai syarikat bagi mengkomersialkan produk mereka.